

UCAPAN PERDANA MENTERI BAGI PIHAK
KERAJAAN DAN RAKYAT MALAYSIA DI
DALAM ISTIADAT PERTABALAN DULI YANG
MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG
DIPERTUAN AGUNG DI DEWAN TUNKU
ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA
20HB FEBRUARI, 1971

Mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Sultan Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Yang Dipertuan Agung Malaysia, dengan kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Pada hari yang bersejarah dan gilang-gemilang ini iaitu hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, patek bagi pihak anggota-anggota Jumaah Menteri, pegawai-pegawai Kerajaan dan seluruh rakyat jelata dari segala kaum dan ugama, dengan perasaan yang penuh gembira dan dengan hati yang kyusuk dan tawaduk mengangkatkan sembah takzim dan merafakkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja-raja untuk menaiki Tahta Kerajaan sebagai Raja Pemerintah bagi seluruh Negeri Malaysia sebagai Yang Dipertuan Agung yang ke lima.

Patek pohon mengambil kesempatan ini juga untuk merafakkan ucapan sembah setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bahiyah binti Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman di atas lantikan Seri Paduka Tuanku menjadi Raja Permaisuri Agung.

Sesungguhnya seluruh rakyat jelata Negeri ini telah melahirkan rasa kegembiraan mereka kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala mereka telah mendapat seorang Raja Pemerintah yang telah terkenal dan masyhur sebagai seorang Raja yang adil lagi bijaksana, dan sentiasa mengambil berat di atas hal-hal Negara dan kebajikan rakyat.

Tidaklah syak lagi bahawa Negara dan rakyat Malaysia bertuah mempunyai seorang Raja yang telah beroleh pengalaman dan

pengetahuan yang luas di dalam cara-cara pemerintahan Negara kerana ke bawah Duli Tuanku telah pernah mendapat latihan pentadbiran sebelum daripada menaiki Tahta Kerajaan sebagai Sultan Negeri Kedah.

Ampun Tuanku,

Perlembagaan Malaysia telah digubalkan sesuai dengan keadaan-keadaan yang terdapat di dalam Negeri ini yang menentukan corak pemerintahan Beraja dengan menurut tradisi yang berkurun-kurun lamanya dan berasaskan kepada lunas-lunas demokrasi secara yang sesuai dengan kemajuan rakyat jelata di dalam Negeri ini. Sambil kita menjunjung adat resam Beraja, kita juga mengikuti peredaran zaman dengan mengamalkan asas-asas demokrasi yang telah dapat membawa Malaysia kepada satu zaman yang makmur, aman dan bahagia. Asas-asas demokrasi ini telah diamalkan oleh Negara kita sehingga kepada cara pemilihan Raja Pemerintah. Perlantikan ke bawah Duli Tuanku sebagai Yang Dipertuan Agung yang kelima adalah dengan sendirinya membuktikan kejayaan sistem perlantikan Ketua Negara yang belum pernah dibuat seumpamanya oleh mana-mana Negara lain dalam sejarah dunia.

Ampun Tuanku,

Perlantikan ke bawah Duli Tuanku sebagai Yang Dipertuan Agung berlaku semasa Negara Malaysia sedang memasuki ke dalam babak yang kedua di dalam sejarah pembangunannya sebagai Negara yang merdeka dan berdaulat. Banyak perubahan-perubahan dasar terutamanya mengenai dengan corak ekonomi Negara sedang disusun untuk menyesuaikan dengan keadaan-keadaan yang terdapat di dalam Negara kita. Tiap-tiap satu perubahan itu adalah diasaskan di atas pengalaman-pengalaman yang telah diperolehi. terutamanya sekali di dalam masa beberapa tahun yang baru lepas. Pengalaman-pengalaman pahit dan manis yang telah dirasai dalam tempuh empat belas tahun Negara ini mencapai kemerdekaan telah menimbulkan kesedaran bahawa ada beberapa kekurangan dan kelemahan yang telah menyebabkan timbulnya rasa kesal dan tidak puas hati sebahagian rakyat jelata Negara ini. Patek yakin dan percaya, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, dan dengan daulat ke bawah Duli Tuanku, maka hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk memenuhi kehendak rakyat jelata itu akan beroleh kejayaan.

Dalam menghadapi soal-soal antarabangsa, dasar Kerajaan ke bawah Duli Tuanku adalah menjaga dan memelihara perhubungan

baik dengan Negara-negara lain dengan berpandukan kepada piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh kerana Kerajaan ke bawah Duli Tuanku sedar dan insaf bahawa Malaysia ialah sebuah Negara yang terletak di tengah-tengah kancah pergolakan di Tenggara Asia ini, maka Kerajaan ke bawah Duli Tuanku telah menyuarakan ke seluruh dunia hasratnya supaya kawasan ini dijadikan satu daerah berkecuali. Tujuan dasar ini adalah semata-mata untuk menjamin keselamatan dan keutuhan Negara Malaysia.

Patek-patek sekalian adalah menaruh sepenuh-penuh keyakinan bahawa pemerintahan Seri Paduka Tuanku selama lima tahun yang akan datang ini akan membawa Negara Malaysia kepada satu zaman yang gilang-gemilang dan menambahkan lagi kemakmuran, keamanan dan kemajuan Negeri ini, dan rakyat sekalian akan dapat mengecap nikmat hidup yang berlipat ganda lagi.

Rakyat jelata Negara ini juga amat bertuah mendapat Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung yang lengkap dengan sifat-sifat yang terpuji. Seri Paduka Baginda itu terkenal sebagai Raja Permaisuri yang bersifat lemah lembut dan ramah mesra serta menunjukkan kecenderungan dalam kerja-kerja kebajikan. Ke bawah Duli Tuanku itu juga tidak ketinggalan mengambil bahagian yang cergas dalam pergerakan-pergerakan wanita dan Baginda telah menjadi Yang Dipertua bagi Perkumpulan Wanita Negeri Kedah.

Ampun Tuanku,

Maka bagi mengambil sempena hari dan saat yang berbahgia ini, patek bagi pihak Anggota-anggota Jumaah Menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan sekalian rakyat Negeri ini merafakkan sembah taat setia kepada Seri Paduka Tuanku.

Akhirul-kalam, patek berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang maha pengasih lagi yang maha pemurah, muga-muga dilanjutkan usia zaman ke bawah Duli Tuanku dan Tuanku Raja Permaisuri Agung dengan bertambah-tambah daulat kebesaran dan kemuliaan. Patek juga berdoa mudah-mudahan barang dianugerahkan Allah ke bawah Duli Tuanku demikian juga Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agung serta Puteri Baginda dengan taufik dan hidayah kekal qarrar dan sentiasa di dalam sihat wal'afiat aman sentosa dengan sepenuh-penuh kesejahteraan dan kemuliaan selama-lamanya, Amin Ya Rabbaralamin.